

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera (mengikut syarat kelayakan)** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Syarat Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
21/2019	Membekal Dan Memasang Sistem Kedatangan Berserta Akses Pintu Dan <i>Panic Push Bar</i> Di Mercu MQA	Bertaraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 120501 – Kunci, Perkakasan dan Aksesori.	10 Oktober 2019 (Khamis)	18 Oktober 2019 (Jumaat), Jam 12.00 tengah hari

2. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Daerah Sepang, Selangor sahaja** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempohnya dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Syarat Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
22/2019	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Pagar Keselamatan Jenis <i>Anti-Climb</i> Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya	(i) Kontraktor hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dalam Gred G1:	10 Oktober 2019 (Khamis)	18 Oktober 2019 (Jumaat), Jam 12.00 tengah hari

No. Sebut Harga	Tajuk	Syarat Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
		<p>Kategori Bangunan (CE) dan Pengkhususan:</p> <p>CE21 – Kerja-kerja am kejuruteraan awam</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).</p>		

3. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib** untuk menghadiri **taklimat sebut harga** ini.

4. Taklimat sebut harga akan diadakan pada:

Tarikh : 8 Oktober 2019 (Selasa)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Auditorium Aras 5, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

5. **Mohon bawa bersama borang Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga yang telah dilengkapkan semasa hadir taklimat.** Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga ini boleh dicetak menerusi portal MQA www.mqa.gov.my

6. **Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja.** Untuk maksud ini, **wakil syarikat dikehendaki membawa perakuan/sijil asal dan satu salinan yang masih dalam tempoh sah laku semasa hadir taklimat** seperti yang disenaraikan di bawah:

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
21/2019	Membekal Dan Memasang Sistem Kedatangan Berserta Akses Pintu Dan <i>Panic Push Bar</i> Di Mercu MQA	<p>(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia;</p> <p>(ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat</p>

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
		<p>memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera);</p> <p>(iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan</p> <p>(iv) profail syarikat.</p>
22/2019	Kerja-Kerja Membina, Membekal Dan Memasang Pagar Keselamatan Jenis <i>Anti-Climb</i> Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Bangunan Mercu MQA, Cyberjaya	<p>(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (jika berkenaan);</p> <p>(ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (jika berkenaan);</p> <p>(iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkenaan);</p> <p>(iv) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan</p> <p>(v) profail syarikat.</p>

7. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 18 Oktober 2019 (Jumaat)
Masa : sebelum 12.00 tengah hari
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Lobi, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor

8. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan tidak akan dipertimbangkan.
9. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi

tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.

10. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.
11. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
12. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.